

► Mendengar dan Bertutur

Dengar perbualan. Lengkapkan perbualan dengan menggunakan perkataan dan rangkai kata yang sesuai. SP 1.2.1

diperluas

mencari maklumat

berkualiti

proses pembelajaran

era teknologi

kaedah

Airin, apakah pendapat kamu tentang ilmu pengkomputeran?


Betul, Airin. Tidak rugi kita mempelajari ilmu pengkomputeran kerana pada (4) _____ kini, kita tidak akan terlepas daripada menggunakan komputer. (5) _____ pembelajaran dan pengajaran juga dapat (6) _____ dengan menggunakan komputer.

Pada pendapat saya, ilmu pengkomputeran sangat penting untuk membantu kita menjalani

(1) _____ dengan lebih baik dan

(2) _____. Contohnya, dalam proses

untuk (3) _____ dan memperoleh ilmu pengetahuan.



Dengar

Dengar teks perbualan. Kemudian, lengkapkan perbualan.



Audio

Kamus Mini

1. pengkomputeran – perihal (kerja, proses, dan sebagainya) mengkomputerkan (maklumat dan sebagainya), penggunaan alat atau sistem komputer untuk pelaksanaan sesuatu atau dalam pengurusan sesuatu
2. diperluas – dijadikan lebih luas
3. mencari maklumat – berusaha untuk mendapat (memperoleh) sesuatu
4. berkualiti – mempunyai kualiti, bermutu
5. proses pembelajaran – tindakan untuk memperoleh ilmu pengetahuan
6. era teknologi – tempoh kemajuan dan perkembangan teknologi yang memberikan kesan yang besar terhadap cara hidup manusia